

PBAPP harap SPAN, KASA segerakan keputusan semakan tarif air

Dewi Nur Harasha Alias | Jun 10, 2022 14:41



Chow Kon Yeow meninjau Pusat Pentadbiran Loji Rawatan Air Sungai Perai Utara (SPU) di Sungai Dua, Butterworth pada Jumaat. - Gambar Astro AWANI

BUTTERWORTH: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) berharap Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) memuktamadkan segera permohonan semakan tarif air yang dikemukakan pada Mac lepas.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Ir Jaseni Maidinsa berkata, sehingga kini pihaknya masih menunggu keputusan tersebut selepas kali terakhir semakan tarif air dibuat pada 2015.

Beliau berkata, tarif air domestik di negeri itu antara yang terendah namun penggunaannya adalah yang paling tinggi. Justeru, katanya, permohonan semakan tarif air itu dibuat sebagai salah satu cara untuk pengguna menjimatkan penggunaan air selain menangani risiko air mentah Pulau Pinang dengan berkesan.

“(Lihat) Singapura, bila air ada harga tertentu, mereka guna paling kurang, bila di sini (Malaysia) bila air murah orang guna lebih dan guna lebih tidak rasa bila dapat bil, semua negeri sudah hantar (semakan semula tarif air), semua operator air sedang menunggu (maklum balas pihak berwajib),” katanya.

Beliau berkata demikian kepada wartawan selepas majlis perasmian Pusat Pentadbiran Loji Rawatan Air Sungai Perai Utara (SPU) di Sungai Dua di sini, pada Jumaat yang disempurnakan Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow.

Mengulas lanjut, Jaseni berkata, jika semakan tersebut tertangguh lagi, pihaknya bimbang akan menjejaskan kualiti perkhidmatan bekalan air disebabkan syarikat tidak mempunyai dana yang mencukupi.

Ia sekali gus, tegas beliau, akan menjejaskan petunjuk prestasi utama (KPI) ditetapkan dalam menyediakan perkhidmatan air yang terbaik untuk rakyat di negeri itu.

Pada Mac lepas, PBAPP telah menghantar permohonan semakan semula tarif air selepas kali pertama dihantar pada 2019, namun, keputusan semakan tertangguh berikutan pandemik COVID-19 yang melanda negara.

Tarif air domestik Pulau Pinang sedia ada untuk 35,000 liter pertama sebulan pada RM0.32 sen setiap 1,000 liter adalah yang terendah di Malaysia.

Sebelum ini, Menteri KASA, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, kerajaan sedang membangunkan Mekanisme Penetapan Tarif (TSM) Air yang lebih adil dan telus untuk seluruh Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Jelasnya, di bawah mekanisme itu, tarif akan disemak yang menyaksikan ada pengguna perlu membayar kadar lebih tinggi, manakala mereka yang menggunakan jumlah air sedikit dan kumpulan B40 dikenakan kadar yang rendah atau percuma.